

16/03/2002

Inokom akan perkenal model baru pelbagai fungsi

INDUSTRI Otomotif Komersil (M) Sdn Bhd (Inokom) akan memperkenalkan model baru kenderaan pelbagai fungsi (MFV) berasaskan model Hyundai Atos, tahun ini.

Pengeluaran model baru itu berikutan Perjanjian Lesen Teknikal yang ditandatangani antara Inokom dan Hyundai Motor Company (HMC) yang membenarkannya mengeluarkan dan mengedarkan model itu.

Perjanjian itu ditandatangani pada 8 Mac lalu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pada majlis itu Inokom diwakili Pengerusinya Amer Hamzah Ahmed manakala HMC oleh Presiden/Ketua Eksekutif, Kim Dong Jin.

Perjanjian HMC diikuti Perjanjian Pengedaran Komponen Tercurai oleh wakil yang sama tetapi disaksikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di pejabatnya di Kuala Lumpur.

Inokom dalam kenyataannya di Kulim, Kedah, berkata pada peringkat awal RM70 juta akan dilaburkan bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran Inokom di kilangnya di Kulim.

Langkah itu dijangka dapat menjana peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk di utara Semenanjung yang umumnya bergantung kepada kegiatan pertanian.

Usaha sama membabitkan pelaburan besar itu membuktikan keyakinan semua pihak terbabit terhadap iklim pelaburan, kestabilan kerajaan dan kepimpinan negara.

Malaysia sebagai pasaran terbesar jualan kereta penumpang di Asean menjadikannya landasan ideal selepas pelaksanaan penuh Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Bagi Malaysia, pembabitan pengeluar kenderaan Korea yang terkenal dengan kesungguhan dan teknologi maju itu akan menggalakkan pertumbuhan industri permotoran di negara ini.

Pengeluaran model baru itu juga memberi peluang kepada mendapat pendedahan kepada teknik pengeluaran terkini selain mewujudkan peluang kerjasama menerusi skim vendor selaras matlamat syarikat Korea menjadi syarikat dunia dalam tempoh terdekat.

HMC mensasarkan menjadi antara lima pengeluar automotif terbesar menjelang 2010.

Langkah mengeluarkan kereta itu juga dijangka dapat meningkatkan peluang pekerjaan, pertukaran teknologi dan menyediakan industri permotoran negara menghadapi pelaksanaan penuh Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) bagi sektor automotif.

Projek MFV bermula selepas Memorandum Persetujuan (MOA) ditandatangani pada 7 November 2001 antara Inokom dan HMC. HMC memegang 15 peratus kepentingan ekuiti dalam Inokom, sekali gus membuktikan keyakinan pengeluar kereta Korea itu terhadap Malaysia.

Selain MFV, kilang pengeluaran di Kulim juga dijangka mengeluarkan model lain pada masa depan.

Model Inokom MFV (nama sebenar bakal ditentukan nanti) adalah kenderaan dengan enjin satu liter berdasarkan model Hyundai Atos.

Ia adalah kenderaan pelbagai fungsi yang dapat diubah menjadi lima tempat duduk.

(END)